



KOSMO, Malaysia

24 May 2012

Business & Finance, page 52 - 241.62 cm²

Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 188,982
(MTWTF)

ID 147317690

BRIEF DIALGR

INDEX 1

PAGE 1 of 1

AmBank-MyKasih hulur RM104,000 bantu 100 keluarga di Kuching



KUALA LUMPUR – Sebanyak 100 keluarga dari Kuching, Sarawak menerima bantuan untuk membeli barang keperluan dan makanan bernilai RM104,000 menerusi Program Komuniti AmBank-MyKasih.

Menerusi program tersebut, setiap keluarga diberi elaun sebanyak RM20 setiap minggu selama satu tahun untuk membeli barang yang mereka perlukan seperti beras, gula, tepung, susu dan minyak masak.

Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim berkata, melalui program berkenaan pihaknya memastikan bahawa bantuan yang disumbangkan benar-benar sampai kepada penerima sepatutnya.

"Bantuan tersebut akan sampai kepada setiap anggota keluarga bukan dalam bentuk wang tunai tetapi dalam bentuk barang keperluan yang boleh didapati daripada peruncit terpilih," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena majlis penyerahan



AZMAN (berdiri, lapan dari kanan) bersama sebahagian daripada penerima bantuan program AmBank-MyKasih di Kuching semalam.

bantuan tersebut di Kuching baru-baru ini.

AmBank mula bekerjasama dengan Yayasan MyKasih sejak bulan November 2009 yang mana AmBank telah menaja 100 keluarga berpendapatan rendah di Sentul, Kuala Lumpur.

Melihat kepada kejayaan dan kecekapan program ter-

sebut, AmBank memutuskan untuk terus menyokong program MyKasih dan program yang sama telah dijalankan di Kota Bharu, Kelantan; Bayan Baru, Pulau Pinang; Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu dan Sandakan, Sabah; Subang Jaya, Selangor serta Lembah Klang.

Sehingga kini, AmBank te-

lah membelanjakan sejumlah RM1.4 juta untuk program tersebut.

Selain bantuan dalam bentuk material, program tersebut turut menyediakan beberapa siri kursus kepada golongan sasaran bagi membantu mereka menguruskan kewangan dan perbelanjaan dengan lebih baik dan berkesan.